

# Bunyamin beri kenyataan fitnah PM

30 JUL 2002

KOTA RHARU, Selasa - Selepas lebih seminggu gagal dikesan polis, bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob. (**gambar**) hari ini hadir ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan bagi memberi kenyataan kepada polis berhubung ceramahnya di Pengkalan Chepa 15 Mac lalu.

Penceramah Pas berusia 56 tahun itu tiba kira-kira jam 10.30 pagi, diiringi Penasihat Undang-Undang Pas negeri, Takiyuddin Hassan, untuk memberi kenyataannya kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (JPPD), Deputy Superintendan Haniffa Abdul Kader.

Ketua Jahatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asis-

ten Komisio-  
ner Ah Rahim  
Jani, berkata  
Bunyamin  
mula memberi  
kenyataan  
pada kira-kira  
jam 11 pagi dan  
berakhir 3 pe-  
tang.

"Bunyamin  
dibawa ke IPPK  
untuk dirakam  
percakapan-  
nya berhubung  
siasatan polis  
mengikut Sek-  
syen 4(1)(b)  
Akta Hasutan  
1948 dan ke-  
nyataan yang  
diambil diha-  
rap dapat me-  
lengkapkan  
siasatan.

"Kita akan  
kaji percaka-

pan yang dirakam itu sama ada wujud kes untuk pendakwaan. Kita akan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan selanjutnya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dengan keterangan Bunyamin hari ini, polis sudah merakamkan kenyataan 22 saksi berhubung siasatan terhadap ceramah bekas Ahli Parlimen Bachok itu di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, 15 Mac lalu.

Dalam ceramah berkenaan, Bunyamin antara lain didakwa menyebut kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

Ditanya sama ada Bunyamin akan dipanggil lagi jika polis tidak berpuas hati dengan kenyataan yang diambil hari ini, Ab Rahim berkata ia bergantung kepada keadaan.

Siasatan terhadap Bunyamin mengikut Akta Hasutan 1948 yang dijalankan sejak awal bulan ini terhenti apabila polis gagal mendapatkan keterangannya, selaku individu yang bertanggungjawab membuat dakwaan itu.

Siasatan itu dibuat selepas polis menerima tiga laporan di Kelantan, Kedah dan Terengganu. Antaranya ialah laporan seorang kakitangan awam, Kamarul Bahrin Awang di Kelantan; Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pemuda Umno Terengganu, Tengku Zainuddin Tengku Zahid di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu dan satu lagi di Baling, Kedah.

Siasatan yang dijalankan pasukan khas yang ditubuhkan itu dibuat mengikut Seksyen 4 (1)(b) akta berkenaan dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau keduanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Takiyuddin yang juga Ketua Pemuda Pas Kelantan, ketika ditemui pemberita berkata, Bunyamin tidak pernah menghilangkan diri selama ini seperti didakwa sesetengah pihak.

Sebaliknya, beliau berkata Bunyamin ada di Kota Bharu bagi menjalani rawatan dialisis (mencuci buah pinggang) dua kali seminggu berikutan masalah kesihatan yang dihadapinya.